
PENDEKATAN PSIKOPENDIDIKAN TERHADAP PELAJAR PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI)

*Fatin Athirah Azman, Salleh Amat, Khadijah Hashim, & Tee Yin Ai

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Correspondent author's e-mail: trahazman@gmail.com

Received date: 30 September 2019; Accepted date: 18 November 2019

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanannya pendidikan psiko dalam kaunseling kelompok untuk meningkatkan kemahiran sosial, kemahiran psikomotor dan kesedaran dari aspek pengurusan diri pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah fenomenologi dan menjalankan empat kali sesi kaunseling kelompok. Sample kelompok terdiri daripada 13 orang pelajar PPKI. Kesemua pelajar mempunyai perbezaan kecacatan iaitu autisme dan masalah pembelajaran. Dapatkan kajian menunjukkan ahli kelompok semakin terbuka dan selesa untuk berinteraksi sepanjang kelompok psikopendidikan dijalankan. Penerapan elemen-elemen kaunseling kelompok pendidikan psiko untuk meningkatkan kemahiran interaksi sosial pelajar dilihat berjaya membantu pelajar untuk berani membuat pendedahan kendiri dan berinteraksi. Pelajar juga mampu membuat pendedahan kendiri berkaitan pengurusan diri sekaligus dapat mengetahui tahap kesedaran pengurusan diri bagi setiap pelajar. Perubahan dalam kemahiran psikomotor melalui pendidikan psiko ini memberi implikasi kepada guru PPKI untuk menjalankan pembelajaran dalam bilik darjah dengan lebih mudah. Oleh itu, kelompok psikopendidikan ini perlu dijalankan secara berkala untuk mendapatkan hasil yang optimum dan berpanjangan.

Kata Kunci: Psikopendidikan, PPKI, Kemahiran Sosial, Kemahiran Psikomotor, Kesedaran Pengurusan Diri

PENGENALAN

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan satu program yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan murid-murid yang berkeperluan khas. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Khas, pendidikan khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan mengurus kehidupan serta menyedari

potensi diri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafah pendidikan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008; Rohaida, 2017). Tambah Rohaida (2017) lagi, walaupun seseorang kanak-kanak itu mempunyai ketidakupayaan tertentu, mereka masih perlu menguasai kemahiran tingkah laku sosial khususnya pada peringkat asas untuk mencapai matlamat seperti para pelajar dari program aliran perdana.

Pelajar pendidikan khas berbeza daripada kanak-kanak normal dari segi mental, keupayaan deria, ciri-ciri saraf, otot, fizikal, tingkah laku sosial, emosi, keupayaan komunikasi dan pelbagai kekurangan (Borhannudin & Wan Nomi, 2018). Manisah dan Norizza (2016) pula menyatakan keupayaan murid bermasalah pembelajaran untuk memberi tumpuan adalah lemah dan akan memberi kesan kepada aspek pemahaman serta penyimpanan maklumat. Intervensi seni lipatan Jepun atau origami telah digunakan dalam kajian yang dijalankan oleh Manisah dan Norizza (2016) untuk membantu meningkatkan daya tumpuan para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat menarik perhatian murid bermasalah pembelajaran untuk turut aktif dalam aktiviti *hands-on* dan dapat memberi motivasi kepada para pelajar untuk berusaha sehingga berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

Sehubungan itu, untuk memberi motivasi dan membantu perkembangan pelajar PPKI, kelompok psikopendidikan telah dijalankan. Menurut Mohd Azhan dan Ku Suhaila (2016), pendekatan bimbingan kelompok dan kelompok psikopendidikan merupakan satu cara yang berkesan untuk membantu kanak-kanak ke arah yang positif. Hal ini kerana, pendekatan kelompok psikopendidikan dapat memahami keperluan untuk membantu kanak-kanak membina perkembangan yang positif dari segi pemikiran, tingkah laku dan emosi. Disamping itu, psikopendidikan merupakan proses-proses yang sistematik berkaitan dengan pendidikan manusia bagi perkembangan kehidupan kanak-kanak tersebut terutama dalam pendidikan (Mohd Azhan & Ku Suhaila, 2016).

Pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak merupakan pengajaran yang penting sepanjang proses tumbesaran untuk menjadi dewasa (Berk 2017). Noor Izzaidah dan Siti Marhamah (2017) menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan individu yang mempunyai perkembangan motor yang cepat. Kajian yang dijalankan oleh Noor Izzaidah dan Siti Marhamah

mendapati kurangnya aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran motor ini akan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat membentuk kemahiran motor halus dan kasar dengan baik. Aktiviti yang melibatkan perkembangan motor perlu dilaksanakan terhadap pelajar pendidikan khas supaya dapat merangsang perkembangan motor mereka sejak peringkat awal kanak-kanak lagi. Selain kemahiran psikomotor pelajar PPKI, penguasaan kemahiran tingkah laku sosial pada peringkat asas juga penting sebagai asas kepada kemahiran berinteraksi disamping kemahiran sosial yang lain (Norshidah, Manisah & Khalim Zainal, 2018).

Permasalahan yang diutarakan oleh Saiful Azam Khoo dan Aliza (2015) iaitu guru dan pihak berkepentingan perlu mempunyai kaedah dan strategi pengajaran yang efektif bagi meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak autisme seperti pembelajaran dijalankan dalam persekitaran yang berbeza. Pernyataan daripada Kamala, Aliza dan Hasnah (2018) juga menyatakan pelajar PPKI perlu dibantu untuk menangani masalah mereka dari segi sosial, emosi, tingkah laku dan akademik. Oleh yang demikian, penyelidik melihat terdapat satu keperluan menggunakan pendekatan psikopendidikan untuk meningkatkan kemahiran sosial pelajar PPKI, kesedaran dalam aspek pengurusan diri dan kemahiran psikomotor para pelajar PPKI bermula dari peringkat awal perkembangan lagi.

KAJIAN LEPAS

Golongan berkeperluan khas merupakan individu yang mempunyai ciri-ciri ketidakupayaan seperti kurang upaya sensori sama ada masalah pendengaraan atau penglihatan, masalah pembelajaran dan cacat anggota (Rohaida, 2017). Hal ini termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685) yang mendefinisikan golongan keperluan khas adalah individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual mahupun deria. Tambahan pula, kekurangan tersebut menyekat keterlibatan golongan berkeperluan khas dalam masyarakat namun kekurangan tersebut tidak boleh dijadikan pengecualian daripada sistem pendidikan sama ada pendidikan di peringkat prasekolah sehingga ke peringkat yang tertinggi (Kamala, Aliza & Hasnah, 2018).

Selain itu, golongan berkeperluan khas sering disalah tafsir sebagai individu yang suka menyendiri, sompong dan sering dalam dunia mereka sendiri (Saiful Azam Khoo & Aliza, 2015). Tambah Saiful Azam Khoo dan Aliza (2015), golongan berkeperluan khas berkecenderungan untuk

bersikap agresif, mengamuk dan mencederakan diri jika dalam situasi yang tegang. Kesukaran untuk menjalinkan hubungan sosial dan mengikuti pembelajaran serta pengajaran menyebabkan golongan ini tidak dapat menyertai pembelajaran bersama pelajar aliran perdana. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) yang menyediakan pendidikan yang bersesuaian untuk murid berkeperluan khas untuk meningkatkan pengetahuan dan potensi diri (Rohaida, 2017).

Usaha untuk membantu dan menyediakan pendidikan kepada golongan keperluan khas, Kementerian Pelajaran Malaysia bukan sahaja mewujudkan pengkhususan PPKI malah menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar PPKI. Tujuan Unit Bimbingan dan Kaunseling ditubuhkan di sekolah adalah untuk membantu pelajar dari segi psikologi, sahsiah, disiplin, bimbingan berkaitan kerjaya, membimbing mengurus kesejahteraan diri dan mental pelajar sekolah (KPM, 2012). Tambahan pula, perkhidmatan kaunseling di sekolah bukan sahaja terhad pada pelajar aliran perdana malah meliputi pelajar PPKI. Namun, terdapat perbezaan garis panduan menjalankan untuk bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar PPKI kerana keperluan antara pelajar PPKI dan pelajar aliran perdana adalah berbeza (Norafifah & Mohamad Hashim, 2017). Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) menyatakan garis panduan khusus telah disediakan dalam memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khas yang menekankan dari aspek kebajikan, kemudahan, soft skills dan hala tuju kerjaya kepada pelajar PPKI.

Perbincangan berkaitan keperluan kaunseling kepada golongan berkeperluan khas disokong dengan kajian yang dijalankan oleh beberapa orang pengkaji (Norafifah & Mohamad Hashim, 2017; Rohaida, 2017; Kamala, Aliza & Hasnah, 2018). Penambahan jumlah sekolah-sekolah yang mempunyai pengkhususan PPKI menunjukkan peningkatan kesedaran ibu bapa untuk memberi pendidikan kepada anak-anak berkeperluan khas. Hal ini menunjukkan keperluan guru PPKI untuk mendidik pelajar keperluan khas adalah tinggi (Kamala, Aliza & Hasnah, 2018). Oleh itu, pembelajaran yang efektif perlu dilaksanakan untuk membantu pelajar PPKI dapat pendidikan awal yang berkesan seterusnya dapat memenuhi keperluan pelajar dari segi kemahiran sosial, kemahiran psikomotor dan lain-lain (Saiful Azam Khoo & Aliza, 2015). Selain guru PPKI, skop tugas guru kaunseling adalah untuk memberi perkhidmatan

bimbingan dan kaunseling kepada pelajar PPKI (Norafifah & Mohamad Hashim, 2017). Oleh itu, guru PPKI dan guru kaunseling perlu berganding bahu dalam mendidik pelajar PPKI.

Dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar PPKI, pendekatan psikopendidikan merupakan pendekatan yang sesuai diaplikasikan kepada pelajar PPKI. Sehubungan itu, program kelompok psikopendidikan telah banyak dijalankan yang melibatkan pendekatan psikopendidikan terhadap kanak-kanak, keluarga, pasangan berkahwin, pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, anak yatim, warga tua dan sebagainya (Neda, 2016; Mohd Azhan & Ku Suhaila, 2016; Nasiha et.al., 2016; Ana Farida & Masruroh, 2018; Mohd Lotfi et.al., 2018). Hal ini kerana, psikopendidikan merupakan satu intervensi yang memberi maklumat dan bimbingan melalui komunikasi yang terapeutik (Ana Farida & Masruroh, 2018).

Disamping meneroka permasalahan dan memahami keperluan murid, kaunseling juga berperanan untuk memberi psikopendidikan kepada pelajar untuk membantu mereka membina satu demensi baru dari segi pemikiran, tingkah laku dan emosi (Mohd Azhan & Ku Suhaila, 2016). Pendedahan awal golongan keperluan khas kepada kemahiran sosial, kemahiran psikomotor dan lain-lain keperluan dapat medidik golongan ini untuk menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih baik. Melalui kajian yang dijalankan oleh (Mohd Lotfi et.al., 2018) mendapatkan melalui menjalankan kelompok psikopendidikan dapat memberi didikan awal berkaitan kesedaran, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan seseorang individu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- Meningkatkan kemahiran sosial pelajar PPKI
- Meningkatkan kesedaran dalam aspek pengurusan diri pelajar PPKI
- Meningkatkan kemahiran psikomotor para pelajar PPKI.

METODOLOGI

Pendekatan dan Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah fenomenologi. Kaedah fenomenologi merupakan kajian yang mengkaji pengalaman seseorang individu (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018). Sepanjang program dijalankan, pendekatan kaunseling kelompok psikopendidikan telah diaplikasikan. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Mawar, Senawang, Negeri Sembilan. Peserta kajian terdiri daripada 13 orang murid PPKI yang berumur antara tujuh hingga 14 tahun. Peserta kajian juga berbeza kecacatan iaitu dua orang murid autisme dan 11 orang murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Selain itu, seramai dua orang guru PPKI dan dua orang Pembantu Pengurusan Murid (PPM) telah menyertai kelompok psikopendidikan untuk membantu mengendali para pelajar. Sampel kajian ini dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Data diperoleh daripada temu bual daripada dua orang guru PPKI dan seorang PPM manakala data yang diperoleh daripada pelajar PPKI adalah melalui perkongsian dalam kelompok. Hasil temu bual ditranskrip dalam bentuk verbatim menggunakan laman sesawang OTranscribe dan menganalisis verbatim secara manual untuk mengeluarkan tema.

Prosedur Modul Kelompok Psikopendidikan

Empat sesi kelompok menggunakan pendekatan psikopendidikan telah dijalankan. Setiap kelompok terdiri daripada empat hingga lima orang pelajar PPKI.

Sesi 1: Peringkat Pengenalan

- Aktiviti pengenalan dilakukan supaya dapat mengenali ahli kelompok yang lain.
- Sesi perkenalan bermula dengan melakukan aktiviti fizikal di mana pelajar diarahkan untuk membaling bola dalam kelompok dan pelajar yang menyambut bola tersebut perlu memperkenalkan diri mereka.
- Membina hubungan dapat membantu ahli untuk berinteraksi dan selesa untuk melibatkan diri dalam kelompok

Sesi 2: Psikodrama Pengurusan Diri

- Pelajar melakukan aktiviti psikodrama yang berkaitan dengan pengurusan diri.
- Sesi ini memerlukan setiap pelajar PPKI untuk berlakon berdasarkan rutin penjagaan diri mereka.

-
- Setiap kelompok diberikan satu situasi dan lima rutin yang berkaitan dengan situasi tersebut.
 - Para pelajar berkongsi berkaitan pengurusan diri yang mereka lakukan sehari-hari serta berbincang untuk melakonkan aktiviti pengurusan diri mereka menggunakan peralatan keperluan yang diperlukan dalam penjagaan diri contohnya seperti ubat gigi, selimut, berus gigi, senduk, songkok, telekung dan lain-lain.
 - Selepas itu, mereka perlu berlakon dengan menunjukkan cara yang betul dalam rutin penjagaan diri tersebut dengan bimbingan fasilitator.
 - Pelajar dapat berkongsi pengurusan diri yang mereka sering lakukan dan menambah pengetahuan berkaitan pengurusan diri berdasarkan perkongsian daripada rakan-rakan dan bimbingan daripada fasilitator.

Sesi 3: Tabung Kraf

- Pelajar diberi peluang untuk mereka dan menghias kraftangan tabung daripada cawan plastik.
- Setiap pelajar telah diberikan bahan-bahan untuk mereka dan menghias tabung kraf.
- Pelajar perlu mereka tabung kraf mengikut kreativiti mereka.
- Pelajar menggunting, menampal dan mewarna tabung kraf mereka dengan bimbingan fasilitator, guru PPKI dan PPM.
- Pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran psikomotor dengan melibatkan diri semasa aktiviti dijalankan.

Sesi 4: Peringkat Penamatan

- Para pelajar berkongsi tentang penjagaan diri dan rutin harian mereka.
- Sesi ini adalah sesi rumusan di mana pelajar akan ditunjukkan gambar yang berkaitan dengan pengurusan diri.
- Pelajar juga diminta berkongsi tentang pengalaman mereka sepanjang program berlangsung dan fasilitator menjelaskan serta merumuskan semula tentang matlamat program.

DAPATAN & PERBINCANGAN

Dapatan kajian diperolehi daripada maklum balas pelajar PPKI, guru PPKI dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) berkaitan perspektif mereka terhadap pendekatan kelompok psikopendidikan yang telah dijalankan. Ini

dibuktikan dengan petikan temu bual enam orang responden (R). Terdapat enam tema dalam dapatan kajian yang dikenal pasti setelah proses analisis data: “yakin diri”, “tidak yakin”, “kurang kesedaran”, “kesedaran”, “tidak mahir” dan “mahir”.

Tujuan kajian 1: Meningkatkan kemahiran sosial pelajar PPKI

Kemahiran sosial merupakan tingkah laku perhubungan interpersonal yang efektif yang dapat dipelajari melalui perbualan bersama orang sekeliling (Saiful Azam Khoo & Aliza, 2015).

R1: Dia orang tak takut nak cakap sebab guna pendekatan loving loving. Mula mula je susah sikit. (Tema: Yakin diri)

R2: Mula mula takut diaorang tantrum. Sebab selalunya kalau ada orang yang diaorang tak kenal diaorang tak nak cakap. Lepas itu kalau situasi itu buat diaorang stress diaorang akan tantrum. Tapi ini alhamdulillah lah diaorang seronok join kelompok tadi. (Tema: Yakin diri)

R3: Student tak akan layan kalau aktiviti yang bercakap sahaja. Ini ada banyak aktiviti bergerak. So, student enjoy. Dah tak malu dah tu. (Tema: Yakin Diri)

R4: Emmm. (Tema: Tidak Yakin)

R5: Saya suka main main. Nak lagi. (Tema: Yakin Diri)

R6: Saya tak malu dah laa. (Tema: Yakin Diri)

Pernyataan di atas menunjukkan para pelajar PPKI semakin terbuka untuk berinteraksi berbanding sebelum sesi pertama bermula. Pelajar kategori masalah pelajaran mengambil masa untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan persekitaran manakala pelajar autisme lebih suka menyendiri. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Berk (2017) yang menyatakan kanak-kanak mula mengenali dan berinteraksi dengan orang di sekelilingnya disamping belajar untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan persekitaran. Sepanjang proses tumbesaran untuk menjadi dewasa, pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak merupakan pengajaran yang penting.

Kajian pengkaji terdahulu menyatakan setiap kanak-kanak termasuk yang mempunyai pelbagai jenis kecacatan akan melalui tiga tahap dalam proses perkembangan tingkah laku sosial. Tahap pertama ialah tahap kesedaran yang menghasilkan kemahiran tingkah laku sosial peringkat asas. Pada

tahap ini, kanak-kanak mula sedar akan persekitaran sosialnya dan identiti mula terbentuk dan menggunakan tingkah laku sosial untuk memahami persekitaran sosial mereka. Tahap kedua ialah tahap interaktif yang menghasilkan kemahiran sosial interaktif. Kanak-kanak memperlihatkan potensi mereka melalui pengalaman lepas dan mempunyai kesedaran terhadap strategi yang digunakan untuk membentuk interaksi sosial yang positif setelah memahami tentang keperluan individu sekeliling dalam situasi sosial. Tahap ketiga ialah penilaian merangkumi kemahiran tingkah laku sosial peringkat kognitif. Pada tahap ini, kanak-kanak mempunyai penguasaan atau keupayaan sosial (Norshidah, Manisah & Khalim, 2018). Namun, kajian yang dijalankan oleh Saiful Azam Khoo dan Aliza (2015) mendapatkan tahap kemahiran sosial pelajar autisme berada di tahap yang sederhana dan rendah kerana pelajar autisme kurang berinteraksi dengan rakan sebaya dan lebih suka menyendiri. Dapatkan kajian juga mendapatkan para pelajar PPKI memerlukan masa untuk mengadaptasi dengan situasi manakala kaunselor berperanan untuk membina hubungan sebaik mungkin.

Tujuan kajian 2: Meningkatkan Kesedaran Pengurusan Diri Pelajar PPKI Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah bertujuan memenuhi keperluan organisasi dan peribadi kilennya ke arah yang positif. Terdapat tiga elemen yang terkandung dalam kemahiran tingkah laku sosial pada peringkat asas iaitu kemahiran bahasa badan, kemahiran komunikasi dan kemahiran bekerjasama. (Norafifah & Mohamad Hashim, 2017; Rohaida, 2017). Pelajar PPKI perlu dibimbing untuk menguruskan diri sejak dari peringkat awal lagi.

R1: Tak sangka Muhammad pandai lipat selimut. Student tahu nak urus diri. Yang autisme je laa yang kurang sikit. Tapi student ini kene selalu bimbang laa. Kene selalu ajar. Kalau tak. Tak tahu. (Tema:Kesedaran)

R2: Diaorang ini selalu baca doa sebelum makan. Sampai student Indian pun join baca doa sekali.(Tema:Kesedaran)

R3: Diaorang kene ada orang tunjuk baru diaorang faham. Baru diaorang buat.(Tema: Kesedaran)

R4:Hmm. Hmm.(Tema: Kurang Kesedaran)

R5: Tiap pagi saya gosok gigi. Nanti sakit gigi klau tak gosok. Alaaa. Tapi. Tadi rehat. Dah makan. Tak gosok lagi.(Tema:Kesedaran)

R6: Rehat tadi saya dah basuh tangan dah. Guna sabun.(Tema: Kesedaran)

Dapatkan di atas menunjukkan bahawa pelajar PPKI mempunyai pengetahuan tentang cara mengurus diri dengan betul namun mereka perlu sentiasa dibimbang. Selain itu, dapatan juga mendapat pelajar autisme kurang kesedaran dari aspek pengurusan diri. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Siti Marziah dan Nor Shahirah (2018) yang menyatakan bahawa pelajar autisme kurang dari aspek komunikasi verbal dan mempunyai sensori yang sangat sensitif menyebabkan pelajar autisme terbatas untuk memahami realiti kehidupan. Namun, Norafifah dan Mohamad Hashim (2017) menyatakan bahawa dalam membantu memenuhi keperluan pelajar PPKI sama ada keperluan diri mahupun keperluan sekolah, Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah memainkan peranan yang penting untuk membantu pelajar di bawah perkhidmatannya. Sehubungan itu, melalui kelompok psikopendidikan ini pelajar dapat dibimbang berkaitan pengurusan diri dengan berkongsi dan menyenaraikan aktiviti rutin pengurusan diri pelajar.

Tujuan kajian 3: Meningkatkan Kemahiran Psikomotor Pelajar PPKI Perkembangan motor merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam keupayaan pergerakan seseorang. Kemahiran psikomotor kanak-kanak khusus pelajar PPKI perlu diambil berat kerana kemahiran ini merupakan proses yang berlaku sepanjang hayat.

R1: Diaorang susah nak guna gunting. Kene buat sama-sama diaorang baru boleh buat.(Tema: Tidak mahir)

R2: Diaorang ini memang suka mewarna ini. Nak pulak guna water colour.(Tema: Mahir)

R3: Ada yang tahu pegang pensil. Ada yang tak tahu lagi. Kene tolong diaorang laa.(Tema: Tidak mahir)

R4: Saya suka gamba ketam. Nak buat lagi satu.(Tema: Mahir)

R5: Yeay. Siap. Boleh tak saya nak buat lagi.(Tema: Mahir)

R6: Nak gunting. Tak boleh. Help.(Tema: Tidak mahir)

Selaras dengan objektif yang terkandung dalam Kurikulum Alternatif Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP), sesi tiga dijalankan untuk meningkatkan kemahiran psikomotor pelajar PPKI (Jabatan Pendidikan Khas, 2015). Kurikulum Alternatif PKBP ini

menyasarkan untuk melahirkan para pelajar dapat menguasai kemahiran motor untuk melibatkan diri dalam aktiviti. Berdasarkan maklum balas di atas, terdapat beberapa orang pelajar yang kurang mahir untuk memegang pensil dan menggunting. Aktiviti bermain dalam kumpulan adalah sukar bagi pelajar autisme kerana lemah pada sentuhan fizikal namun kemahiran psikomotor ini penting bagi pelajar autisme untuk membantu meningkatkan kemahiran pelajar (Saiful Azam Khoo & Aliza, 2015). Oleh itu, kekurangan pelajar untuk menguasai kemahiran psikomotor perlu dibantu untuk kelestarian perkembangan kehidupan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Alijah, Norlidah dan Saedah (2013) juga menyatakan dengan menguasai kemahiran psikomotor, membolehkan pelajar PPKI memiliki tahap kemandirian yang lebih baik dan mempunyai tempoh hayat yang lebih panjang. Sehubungan itu, daptan ini menyokong pernyataan tersebut yakni pentingnya pelajar untuk menguasai kemahiran psikomotor untuk menjamin kehidupan mereka.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kelompok PPKI atau dikenali juga sebagai OKU merupakan antara kelompok yang kurang didekati oleh penganjur-penganjur program. Walaupun kelompok PPKI ini sukar untuk difahami, mereka tetap memerlukan sokongan dan dorongan dari masyarakat sekeliling khususnya penglibatan daripada ahli keluarga mereka sendiri untuk meneruskan kehidupan yang baik. Oleh itu, kelompok psikopendidikan ini boleh dijadikan rujukan untuk penganjur-penganjur program sama ada pengajur daripada sekolah-sekolah, NGO maupun pengajur daripada profesion kaunseling yang ingin menjalankan program yang melibatkan penglibataan daripada pelajar PPKI. Tambahan pula, melalui pendekatan kaunseling kelompok, pelajar PPKI dapat dibantu untuk meningkatkan keyakinan interpersonal ketika berinteraksi dengan masyarakat sekeliling secara tidak langsung dapat membantu pelajar PPKI ini untuk belajar meneruskan kehidupan sehari-hari mereka. Tambahan pula, dengan menjalankan aktiviti yang dapat merangsang kemahiran psikomotor pelajar PPKI akan membantu memudahkan guru PPKI untuk menjalankan sesi pembelajaran.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa pendekatan psikopendidikan terhadap pelajar PPKI dapat membantu pelajar berinteraksi dan aktif melibatkan diri semasa proses pembelajaran terutamanya pembelajaran yang melibatkan aktiviti *hands-on*. Namun begitu, penambahbaikan yang

boleh dilakukan untuk kajian akan datang adalah berkenaan dengan jumlah masa dan kekerapan perjumpaan antara pengkaji dengan sampel. Jadual persekolahan pelajar PPKI yang singkat menyebabkankekangan masa untuk menjalankan kelompok psikopendidikan dan tidak dapat disampaikan secara komprehensif. Oleh itu, kaunselor perlu mengambil peluang ini untuk menjalankan kaunseling kelompok yang menggunakan pendekatan psikopendidikan dalam membantu golongan PPKI secara berkala untuk mendapatkan hasil yang optimum dan berpanjangan.

Kajian ini merupakan kajian kecil berkaitan perkhidmatan kaunseling yang menggunakan pendekatan psikopendidikan dalam memenuhi keperluan pelajar PPKI. Oleh yang demikian, pengkajian yang lebih meluas amat diperlukan untuk meningkatkan pendedahan guru kaunseling dan kaunselor terhadap golongan keperluan khas terutama pelajar PPKI dan memperbanyakkan intervensi yang boleh diaplifikasi kepada pelajar PPKI.

KESIMPULAN

Setelah menjalankan program untuk pelajar PPKI di SK Taman Seri Mawar, pelbagai pengalaman yang diperolehi. Kelompok PPKI ini adalah kelompok istimewa yang sering disalah tanggap dan menerima persepsi negatif daripada golongan masyarakat. Tugas mendidik kelompok ini bukanlah satu tugas yang mudah buat pendidik. Melalui program ini, dapat membantu kaunselor atau kaunselor pelatih untuk lebih mengenali kelompok ini dengan lebih dekat. Tugas mendidik golongan ini bukanlah hanya terletak pada guru PPKI sahaja malah masyarakat dan ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam membantu kelompok ini untuk berjaya dalam kehidupan kerana mereka mempunyai potensi untuk berjaya. Oleh itu, kaunseling kelompok menggunakan pendekatan psikopendidikan untuk pelajar PPKI perlu diteruskan lagi supaya pelajar PPKI ini dapat dibantu dan dapat mendedahkan mereka kepada dunia luar sama seperti pelajar aliran perdana. Diharapkan program psikopendidikan untuk kelompok PPKI dapat diteruskan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Alijah Ujang, Norlidah Alias, & Saedah Siraj. (2013). Kandungan Aspek-Aspek Pendidikan Kesihatan Reproduktif Merentasi Kurikulum Pendidikan Khas. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 1-9.

-
- Ana Farida, & Masruroh Hasyim. (2018). Pengaruh Family Psikoedukasi Terhadap Peningkatan Self Care dalam Merawat Anak Thalasemia. *Jurnal Ners dan Kebidanan*, 5(1), 1-5.
- Berk, L. E. (2017). *Development Through the Lifespan*. Edisi ke-9. New York: Pearson.
- Borhannudin Abdullah & Wan Nomi Wan Omar. (2018). The Importance of Early Intervention Programs on the Development of Special Needs Individual. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(12), 510-516.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2015).
<https://www.moe.gov.my/index.php/pendidikan-khas/program-pendidikan-khas-integrasi/4216-tujuan-program>
- Kamala Ratnam, Aliza Alias & Hasnah Toran. (2018). Pengetahuan dan Amalan Aktiviti Perbualan Pagi oleh Guru Prasekoah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PPKBP). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(3), 59-66.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Perekayaan Perkhidmatan Bimbangan Dan Kaunseling Sekolah*. (Kp (Bpshspdk) 201/005/02 Jld.4(5)).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Modul Pendidikan Awal Kank-kanak*. Kuala Lumpur.
- Neda Deylami. (2016). *Dyadic Effect of Gottman's Psycho-Educational Intervention and Mediated Effect of Adult Attachment Style on Marital Communication Among Iranian Couples in Shiraz, Iran*. Universiti Putra Malaysia.
- Rohaida Bakar. (2017). *Efikasi Kendiri, Sikap, Kesediaan dan Cabaran Menjalankan Perkhidmatan Bimbangan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas*. Universiti Sains Malaysia.
- Norafifah Bali & Mohamad Hashim Othman. (2017). Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbangan dan Kaunseling dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Asian Social Work Journal*, 2(2), 1-10.
- Noor Izzaiddah Noramy & Siti Marhamah Kamarul Arifain. (2017). Perbezaan Kemahiran Motor Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah dengan Menggunakan Movement Assessment Battery for Children (MABC). *Jurnal Sains Sosial*, 2, 25-35.
- Norshidah, M. S, Manisah, M. A., & Khalim, Z. (2018). Kemahiran Tingkah Laku Sosial Peringkat Asas dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan.

-
- Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 41-49.
- Manisah Mohd. Ali, & Norizza Sahal. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6.
- Mohd Azhan Mohamed Abdul Kadir & Ku Suhaila Ku Johari. (2016). Keberkesanan Psikopendidikan Dalam Kaunseling Kelompok Untuk Membendung Masalah Disiplin Murid Di Sekolah Rendah Islam Al-Amin, Kuala Lumpur. International Professional Counseling 2016.
- Saiful Azam Khoo Abdullah & Aliza Alias. (n. d.). *Tahap Kemahiran Sosial Murid-Murid Autisme Bagi Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Marziah Zakaria, & Nor Shahirah Mat Tauhid. (2018). Cabaran Membesarkan Anak-Anak Autisme Daripada Perspektif Ibu (The Challenges of Nurturing Autistic Children From The Mother's Perspective. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 2018.
- Mohd Lotfi Yaakob, Salleh Amat, Nur Farhah Mohd Najib, & Nurul Nadhrah Mahbob. (2018). Psikopendidikan Kaunseling Kelompok Anak Yatim. *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikologi Kaunseling Dari Perspektif Islam*.